

15 NOVEMBER 2017

Cabaran banteras dadah semakin getir - AADK

Cabaran banteras dadah semakin getir - AADK

KUALA LUMPUR 14 Nov. - Pihak berkuasa berhadapan cabaran getir untuk membanteras penyalahgunaan dadah di negara ini berikutan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) memberi ruang besar kepada penciptaan dan kemunculan dadah psikoaktif baru dalam pasaran.

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Dr. Abd. Halim Mohd. Hussein berkata, kemunculan dadah baru atau

dikenali New Psychoactive Substances (NPS) merupakan dadah yang terhasil daripada bahan biasa digunakan dalam industri dan rumah dan mudah diperoleh.

“Dadah NPS bukan lagi diseludup, tetapi diproses secara setempat. Perkara ini menjadi isu dan cabaran getir bagi kita menangani penyalahgunaan dadah di negara ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Abd. Halim berkata, cabaran utama kini apabila penagihan da-

dah adalah sebahagian daripada penyakit kronik yang mudah berulang kepada mana-mana bekas penagih.

“Ini menjadikan penagih sukar dipulihkan dan kembali terjerumus kerana mereka tidak berupaya untuk bertindak terhadap situasi berisiko tinggi,” katanya.

Menurutnya, situasi kini semakin mencabar apabila penagih dadah dalam kalangan remaja dan kanak-kanak semakin meningkat di negara ini.